



MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND
ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN HARI HUTAN ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

“FORESTS AND ECONOMIES”

24 MEI 2026
DATARAN SOOK, SOOK, SABAH

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

1. Pertamanya, saya ingin menzahirkan rasa bersyukur kerana kita telah berjaya melaksanakan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 dengan jayanya sepanjang tiga hari bermula 22 hingga 24 Mei 2026.
2. Sesungguhnya, sambutan pada tahun ini bukan sahaja menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan hutan, malah berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha bersama menjaga khazanah alam negara demi kesejahteraan generasi akan datang.
3. Sebagai pelengkap kepada usaha ini, program terakhir sambutan Hari Hutan Antarabangsa tahun ini iaitu FCC: Fun for Resilient Forest telah berjaya dianjurkan melalui kerjasama erat antara Jabatan Perhutanan Sabah dan Malaysia Forest Fund. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada **Jabatan Perhutanan Sabah**, melalui kepimpinan YBhg. Datuk Zulkifli Suara, atas kejayaan penganjuran FCC Run, sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 pada pagi ini. Tidak dilupakan juga **Malaysia Forest Fund (MFF)** yang telah menyumbangkan dana untuk acara larian pagi ini.
4. Tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah menyertai larian FCC Tadi, dengan penuh semangat dan komitmen. *FCC Run* yang telah dianjurkan pada pagi ini membawa mesej yang sangat jelas iaitu ***“langkah kecil setiap individu mampu menghasilkan impak besar kepada pemuliharaan hutan dan kelangsungan***

ekonomi negara”. Saya yakin Larian FCC pagi tadi telah berjaya meningkatkan kesedaran setiap peserta akan kepentingan untuk menyokong usaha konservasi, di samping kita menggalakkan gaya hidup sihat. Ia juga telah menyatukan pelbagai agensi Kerajaan, baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persetukuan, juga dengan komuniti setempat, demi satu tujuan yang murni iaitu untuk menghargai perlindungan kawasan hutan.

Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Sektor perhutanan memerlukan pembiayaan yang besar dan berterusan bagi memastikan perlindungan hutan, pemulihan kawasan terjejas serta kesejahteraan komuniti setempat dapat dilaksanakan secara mampan. Namun, kebergantungan kepada pembiayaan awam semata-mata tidak lagi mencukupi.
6. Oleh itu, pendekatan baharu yang lebih berskala dan lestari amat diperlukan. Sehubungan itu, Kementerian melalui Malaysia Forest Fund (MFF) telah membangunkan Forest Conservation Certificate atau FCC sebagai mekanisme untuk menggerakkan pembiayaan secara berskala bagi sektor perhutanan negara. FCC memastikan dana yang dikumpulkan sampai kepada keperluan sebenar di lapangan melalui pendekatan pembiayaan berimpak, di mana hasil pelaksanaan diukur dan dinilai secara telus oleh pihak ketiga.
7. Berbeza dengan pendekatan konvensional, FCC membuka ruang kepada penyertaan sektor swasta dan pelbagai pihak berkepentingan. Pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan sumber pembiayaan, malah mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan serta memperkukuh model kerjasama awam-swasta

atau public-private partnership (PPP) yang lebih efektif dan berimpak tinggi.

8. Saya juga ingin memaklumkan bahawa sejak dilancarkan pada Jun 2024, FCC telah menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Sehingga kini, sebanyak 29 permohonan projek telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 9 projek telah disokong untuk pengumpulan dana. Projek-projek ini dijangka mampu menggerakkan kira-kira RM30.2 juta, sekali gus mencerminkan keyakinan pasaran terhadap pendekatan pembiayaan berasaskan impak yang diperkenalkan melalui FCC.

Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Sabah selaku tuan rumah serta seluruh Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atas komitmen, dedikasi dan usaha gigih dalam menjayakan sambutan yang cukup bermakna ini.
10. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua tetamu kehormat, jabatan dan agensi Kerajaan, rakan strategik, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta seluruh warga kerja yang telah bersama-sama memeriahkan sambutan ini.
11. Tidak dilupakan, terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh masyarakat Sook dan kawasan sekitarnya yang hadir dan menyertai

pelbagai program serta aktiviti sepanjang sambutan berlangsung. Kehadiran dan sokongan saudara-saudari semua membuktikan bahawa agenda pemuliharaan hutan merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipikul secara kolektif.

12. Akhir kata, marilah kita terus memperkukuh komitmen dan kerjasama dalam memelihara serta memulihara hutan negara demi keseimbangan ekosistem, kesejahteraan rakyat dan masa depan Malaysia yang lebih lestari.
13. Akhir kata dari saya, marilah kita terus berganding bahu menjaga hutan kita, sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang mampan, demi masa depan generasi sekarang dan yang akan datang.
14. Saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kaamatan kepada semua. ***“Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan”***.

“Hutan dan ekonomi berpisah tiada, tanggungjawab kita menjaganya bersama”

Dengan lafaz tersebut, saya dengan rasminya menutup Program Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Sri Arthur Joseph Kurup

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia

24 Mei 2026,

Dataran Sook, Sook, Sabah